

Headline	Program tingkat kesedaran masyarakat cara guna peralatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Nasional	Page No	39
ArticleSize	250 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,406		



## Program tingkat kesedaran masyarakat cara guna peralatan elektrik

TENAGA Nasional Berhad (TNB) mengadakan program TNB Bersama Komuniti Bandar Tun Hussein Onn di Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), baru-baru ini.

Program diadakan bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan sosial TNB bersama komuniti setempat selain menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul.

Antara program yang diadakan adalah pembentangan berkenaan dengan pemasangan TNB, penjanaan elektrik, sistem operasi dan promosi perkhidmatan terkini.

Selain itu, pameran keselamatan elektrik juga disediakan bagi menambah lagi pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap pemasangan elektrik dan cara-cara menggunakan peralatan elektrik dengan cekap.

Program berkenaan diakhiri dengan sesi dialog di antara wakil Rukun Tetangga bersama pihak TNB, MPKJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Sebahagian kakitangan TNB merakamkan kenangan bersama AJK Komuniti Bandar Tun Hussein Onn.